



KENANGAN: Geoffrey (empat kiri), Norzaidi (tiga kiri) dan Shamshudeen (lima kanan) menghadiri Sesi Perkongsian Ilmu di FKAL Smart Space Classroom pada Selasa lalu.

Penasihat Luar FKAL kongsi ilmu dengan Pensyarah UMSKAL

UB 16.05.2024 P.04

LABUAN: Seramai 30 pensyarah Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menjayakan Sesi Perkongsian Ilmu di FKAL Smart Space Classroom, Selasa lalu.

Mereka terdiri pensyarah Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) di samping kakitangan dan pelajar.

Dua penceramah diundang mengendalikan sesi berkenaan iaitu Prof. Dr. Norzaidi Mohd. Daud, Faculty Of Business Management, UiTM Shah Alam dengan tajuk 'Common Mistakes In Thesis Writing' manakala Dato' Dr. Shamshudeen Mohd Yunus, Chief Technology Officer Tijarah Holding berkongsi ilmu mengenai 'Centralized Wisdom, Decentralized Power.

Dekan FKAL, Profesor Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal berkata tujuan majlis ilmu itu diadakan adalah untuk memberi peluang kepada pensyarah, kakitangan dan pelajar UMSKAL untuk menambah ilmu serta pengalaman dalam dua

tajuk utama yang dibentangkan penceramah jemputan.

Katanya, Norzaidi berkongsi tentang kesilapan dan bagaimana mengatasi masalah utama dalam penulisan tesis.

Manakala Shamshudeen berkongsi tentang pemusatan ilmu dan desentralisasi kuasa dalam organisasi dan individu.

"Program itu diadakan sempena Lawatan Penasihat Luar (Akademik/Industri/Alumni) ke FKAL pada 13 dan 14 Mei lalu.

"Saya berharap pengalaman dan pengetahuan yang luas Penasihat Luar itu dapat dimanfaatkan pensyarah, kakitangan dan pelajar yang hadir," katanya.

Turut hadir Timbalan-timbalan Dekan FKAL, Dr Noor Hassanah Husin (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan Dr. Anath Rau Krishnan, (Penyelidikan dan Inovasi) serta Penyelaras Pascasiswazah FKAL, Dr. Andrew Saw Tek Wei.

Sesi soal jawab turut diadakan pada majlis yang diadakan dari pukul 9 hingga 11.30 pagi itu sekali gus memberi manfaat kepada pensyarah, kakitangan dan pelajar yang hadir.